



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TINJAUAN KE ATAS PENERIMAAN  
ORANG RAMAI TERHADAP CADANGAN  
MENAIKKAN TARAF BANDAR SIBU  
MENJADI BANDARAYA MENJELANG  
TAHUN 2005**

**OLEH**

**IBRAHIM MAHSEN  
97139066**

**Karya ini dikemukakan kepada Fakulti Pentabiran dan Undang-undang UiTM Kampus Samarahan, Sarawak adalah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat kajian Diploma Pentadbiran Awam.**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UiTM KAMPUS SAMARAHAN  
SARAWAK  
SEPTEMBER 2001**

## **KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ISI KANDUNGAN</b>	ii
<b>SENARAI RAJAH</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>BIODATA  PENYELIDIK</b>	ix

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Lokasi Bandar Sibu (Pelan Lokasi dan Pemandangan Udara Bandar Sibu)	3
1.3 Populasi	5
1.4 Definisi Bandaraya	6
1.5 Kriteria Menjadi Bandaraya	7
1.6 Latar Belakang Kajian	7
1.7 Penyataan Masalah	8
1.8 Objektif Kajian	9
1.9 Skop Kajian	9
2.0 Hypothesis	10
2.1 Andaian	10
2.2 Kepentingan Kajian	11
2.3 Ulasan Kajian (Literature Review)	12

## **ABSTRAK**

Dari sebuah pekan kecil dengan hanya beberapa deretan rumah kayu terletak kawasan pertemuan Batang Rajang iaitu sungai terpanjang di Malaysia dan Batang Igan sekitar tahun 1880-an, Sibu kini menjadi sebuah bandar antara yang berkembang dan membangun pesat di Sarawak.

Beberapa faktor telah dikenal pasti yang menyumbang kepada perkembang pesat Bandar Sibu sejak lebih satu abad lalu iaitu kegiatan pembalakan di bahagian Sibu dan bahagian Kapit. Kerancakan kegiatan pembalakan itu telah mewujudkan industri sampingan iaitu industri hiliran dan pembuatan bot dan kapal pesisir pantai.

Selepas sekian lama berkembang pesat bandar Sibu kini mengorak langkah untuk mencapai status bandaraya menjelang tahun 2005. Majlis Perbandaran Sibu (MPS) selaku pihak berkuasa tempatan sedang giat mengubah wajah bandar Sibu serta menyediakan prasrama-prasrama yang diperlu bagi memenuhi kriteria sebuah bandaraya.

Bagaimanapun MPS terpaksa bersaing sengit dengan Majlis Perbandaran Miri (MPM) untuk merebut tempat kedua menjadi bandaraya di Sarawak selepas Kuching. MPM juga telah mensasarkan tahun 2005 untuk mencapai status bandaraya.

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap penerimaan lebih 200,000 penduduk bandar Sibu berhubung cadangan kenaikan taraf bandar Sibu nanti. Skop kajian adalah merangkumi kawasan bandar Sibu dan melibatkan penduduk semua kaum. Responden bagi kajian ini terdiri daripada tiga kaum utama yang tinggal di bandar Sibu iaitu Cina, Iban, Melayu dan Melanau.

Dalam kajian ini tumpuan diberikan kepada pendirian responden-responden yang telah dipilih (bagi mewakili semua penduduk) samada mereka bersetuju dengan kenaikan taraf bandar Sibu atau sebaliknya.

Sepanjang tempoh kajian, sejumlah 1,000 set borang soal selidik telah diedarkan terus kepada responden dan seramai 150 responden telah ditemuduga termasuk menteri, pemimpin parti

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Sibu merupakan sebuah bandar pelabuhan utama dengan keluasan 156 kilometer persegi, terletak di kawasan tengah Sarawak, berada di latitud  $2^{\circ} 19'$  utara dan longitud  $111^{\circ} 15'$  timur, di mana Batang Rejang dan Batang Igan bertemu, kira-kira 100 kilometer dari Laut China Selatan<sup>1</sup>. (sila rujuk Rajah 1.1)

Bandar ini merupakan antara bandar utama di Sarawak yang paling pesat berkembang dan membangun sejak tahun 1957 lagi yang mana ketika itu keluasannya hanya membabitkan keluasan 16 batu persegi.

Sebelum 1 Jun 1873, Sibu kenali dengan nama Maling iaitu bersempena dengan nama satu kawasan seberang dikenali dengan Tanjung Maling. Maling ketika itu merupakan sebuah perkampungan kecil dan hanya terdapat beberapa rumah kedai kecil yang beratap daun dan berdinding kayu.

Pada tahun 1 Jun 1873, James Brooke telah membentuk Bahagian Ketiga (merangkumi beberapa daerah) yang kemudian diberi nama 'Sibau' iaitu bersempena dengan nama 'buah Sibau' (sejenis rambutan hutan). Kegiatan perniagaan di Sibu mula dijalankan oleh pendatang Cina Hokkien yang dianggarkan sekitar tahun 1880. Corak perniagaan ketika itu hanya membabitkan pertukaran barang antara peniaga dan pembeli. Manakala dalam tahun 1900 kelihatan kaum Cina Kekh atau Ming-Nam turut menceburi perniagaan di Sibu. Ini secara langsung menyumbang kepada perkembangan aktiviti perniagaan di Sibu.

---

<sup>1</sup> *Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Sibu*

penduduk. Pada masa sama untuk mengelakkan berlakunya masalah setinggan yang serius. Setakat ini masalah setinggan telah diatasi.

### **2.3 Ulasan Kajian (Literature Review)**

Langkah mnenaik taraf bandar menjadi bandaraya merupakan salah satu proses berterusan perbandaran ekoran perkembangan dan pembangunan sangat pesat sesebuah bandar itu. Perkembangan dan pembangunan pesat itu biasanya akan diikuti beberapa masalah seperti kepadatan penduduk, setinggan, gejala sosial, pengangguran, jenayah, pencemaran alam sekitar, kemiskinan dan lain-lain.

Begitu juga dengan bandar Sibu nanti sekiranya menjadi bandaraya, ia tidak akan terlepas daripada mengharungi masalah-masalah utama yang dihadapi di bandaraya-bandaraya lain di dunia ini.

Dalam satu kajian bertajuk '*Kesan Negatif dan Positif Penghijrahan dan Urbanisasi*' yang dibuat oleh Sony Hardiana (HMP-95) langkah menaikkan taraf bandar kepada bandaraya di Indonesia, majoriti penduduk di kawasan terlibat memberi sokongan manakala hanya segelintir kecil yang menentang.

Berdasarkan data-data yang diperolehi dan kemudian dianalisa, mereka yang menyokong menaruh harapan tinggi dengan kenaikan taraf bandar didiami mereka, akan dapat turut meningkatkan lagi sosio-ekonomi dan taraf hidup.

Manakala bagi yang menentang pula, memberi alasan langkah itu boleh menimbulkan pelbagai masalah berikutan berlakunya persaingan sengit merebut peluang-peluang tersedia untuk menambah baik taraf hidup.